

Sekat pelajar terlibat dadah

SINAR HARIAN • ISININ 12 FEBRUARI 2018

Edisi Hegeri

GPS BESTARI

www.gpsbestari.com facebook.com/gpsbestari gpsbestari @gpsbestari



Sekat pelajar terlibat dadah

350 murid, ibu bapa sertai program Ceriakan Hidup Anda Tanpa Dadah

MUHAMMAD FAIZ SULONG

Masalah penyalahgunaan dadah melibatkan golongan muda terutama remaja dan kanak-kanak dilihat semakin memular termasuk di kalangan murid sekolah.

Perkara itu terbukti apabila ramai klien yang mendapatkan perkhidmatan secara sukarela di Klinik Cure and Care 1Malaysia merupakan remaja yang telah menagih dadah seawal 10 tahun.

Atas kesedaran itu, Unit Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) dengan kerjasama Unit Bimbingan dan Kaunseling, Unit Disiplin dan Unit Pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 7 telah menganjurkan program Ceriakan Hidup Anda Tanpa Dadah.

Setiausaha PPDa SMK Seksyen 7, Farah Wahida Ahmad Faridun berkata, program yang dianjurkan di Surau al-Mawaddah Seksyen ini bertujuan memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada murid, guru, ibu bapa dan masyarakat akan bahaya dadah agar mereka menjauhinya dan berupaya menentang ancaman dadah dengan meletakkan sasaran 'Dadah Masih Musuh No. 1 Negara'.

"Objektif utama kita ialah bagi menyedarkan masyarakat bahawa dadah masih musuh nombor satu negara dengan membangkitkan kesedaran rakyat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dan menggembelng seluruh tenaga, kepakaran dan sumber dari pelbagai pihak dalam membanters masalah dadah.

"Dengan keterlibatan para murid dan juga ibu bapa, kita memberikan gambaran kesan dadah secara langsung dan berterus terang di mana kita menerangkan dari segi kesan dilihat dari sudut kesihatan, ekonomi, sosial dan keselamatan.

"Dalam program ini, mesej disampaikan



Program sebegini diharap dapat mengelakkan murid dan remaja terperangkap dalam penyalahgunaan dadah.

“Objektif utama kita ialah bagi menyedarkan masyarakat bahawa dadah masih musuh nombor satu negara dengan membangkitkan kesedaran rakyat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dan menggembelng seluruh tenaga...”

- Farah Wahida

menerusi medium poster dan gegantung web, media sosial dan laman web, tayangan iklan serta penerangan yang disampaikan oleh Pegawai AADK Daerah Petaling, Ahmad Faisal Awang," katanya.

Kira-kira 350 murid bersama ibu bapa menyertai program berkenaan yang turut dihadiri oleh Pengetua SMK Seksyen 7, Siti Salmiah Yaakob dan Yang Di Pertua PIBG, Datuk Mohamad Isa Ishak.



Farah Wahida (tiga, kiri) dan Penolong Kanan HEM, Norhaliza Haron (kiri) turut hadir ke program berkenaan.